



## FAQ:

### PROGRAM SIBERKASA LATIHAN KEMAHIRAN KESELAMATAN SIBER

#### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan Program SiberKASA Latihan Kemahiran Keselamatan Siber?

- Program SiberKASA Latihan Kemahiran Keselamatan Siber adalah program Pelan Pemulihan Negara (PEMULIH) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Agensi pelaksana program ini ialah CyberSecurity Malaysia ([www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)).
- Program ini adalah program Pensijilan Profesional Keselamatan Siber Global ACE Certification ([www.globalace.org](http://www.globalace.org)) yang akan dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia.

#### 2. Apakah yang dimaksudkan dengan SiberKASA?

- SiberKASA adalah satu program yang diperkenalkan oleh CyberSecurity Malaysia untuk membangun, memperkasa, melestari dan mengukuhkan prasarana serta ekosistem keselamatan siber di Malaysia. Ia diperkenalkan sebagai salah satu usaha CyberSecurity Malaysia dalam memastikan kelangsungan perkembangan bidang keselamatan siber serta penawaran produk dan perkhidmatan CyberSecurity Malaysia kepada pengguna Internet di pelbagai sektor, industri dan juga individu. Ia menjadi satu manifestasi untuk menangani ancaman dan serangan siber yang semakin kompleks dan sofistikated.

- Menerusi SiberKASA, organisasi di sektor awam dan swasta akan berupaya memperkasa dan memperkukuhkan prasarana dan sistem keselamatan siber di organisasi mereka dalam menangani ancaman serta serangan siber.
- Terdapat 35 produk dan perkhidmatan yang telah dihasilkan oleh CyberSecurity Malaysia dan melalui SiberKASA, produk dan perkhidmatan tersebut diklasifikasikan di bawah tiga komponen iaitu **manusia**, **proses** dan **teknologi** sebagai pendekatan holistik pengukuhan keselamatan siber. Program Pensijilan Profesional Keselamatan Siber Global ACE Certification adalah salah satu perkhidmatan yang berada di bawah komponen manusia (*people*).
- SiberKASA telah dirasmikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin Abdullah di Cyberjaya pada 23 Mac 2021.

**3. Siapakah yang layak menyertai program latihan ini? Apakah syarat penyertaan ke program ini?**

- Individu yang mempunyai latar belakang IT yang terkesan akibat pandemik Covid-19 seperti kehilangan pekerjaan dan hilang sumber pendapatan.

**4. Boleh terangkan berkenaan program latihan kemahiran keselamatan siber yang akan ditawarkan kepada peserta program?**

- Program ini akan dilaksanakan selama 3 bulan dan peserta akan menerima elaun sepanjang *On-The-Job Training* (OJT) sebanyak RM1,200/sebulan. Program ini termasuk latihan selama 2 minggu dan OJT selama 2.5 bulan.

**5. Boleh terangkan program latihan yang ditawarkan di program ini?**

- Program latihan terdiri daripada latihan wajib dan pengkhususan
- Kesemua peserta akan diwajibkan menyertai program latihan Cyber Security Essential
- Peserta akan ditawarkan satu (1) program pengkhususan mengikut permohonan
- Senarai program latihan pengkhususan :
  - Certified Information Security Awareness Manager
  - Certified Penetration Tester
  - Certified Data Security Professional

- Professional Business Continuity Implementer
- Security Analyst
- SecureMi Certified Administrator
- Secured Development Analyst

**6. Adakah program ini melibatkan peperiksaan?**

- Ya, program pensijilan profesional ini melibatkan peperiksaan. Jika peserta lulus, mereka akan dianugerahkan sijil profesional mengikut latihan yang ditawarkan.

**7. Bagaimanakah proses *placement* akan dilaksanakan bersama pihak industri?**

- Proses *placement* akan dilaksanakan setelah latihan dan OJT selesai. Peserta akan diberi peluang ditempatkan di syarikat-syarikat IT yang bersesuaian yang mempunyai keperluan tenaga kerja.

**8. Siapakah rakan kolaborasi CyberSecurity Malaysia yang akan bekerjasama dalam melaksanakan program latihan ini?**

- Rakan kolaborasi dalam pelaksanaan latihan terdiri daripada :
  - Abyres Sdn. Bhd
  - Cybertronium Sdn Bhd
  - LGMS
  - Cyber Intelligence Sdn Bhd
  - K2Baseline Sdn Bhd
  - Intellize Tech Services Sdn Bhd
  - Evault Technologies Sdn Bhd

**9. Bilakah program latihan ini akan dilaksanakan?**

- Jadual latihan seperti di bawah :

LATIHAN	TARIKH LATIHAN
Cyber Security Essential	Sesi 1 : 20 Sept 2021 Sesi 2 : 21 Sept 2021 Sesi 3 : 22 Sept 2021 Sesi 4 : 23 Sept 2021
Certified Information Security Awareness Manager	Sesi 1 : 27 – 28 Sept 2021 Sesi 2 : 4 – 5 Okt 2021
Certified Penetration Tester	Sesi 1 : 27 Sept – 1 Okt 2021 Sesi 2 : 4 – 8 Okt 2021
Certified Data Security Professional	Sesi 1 : 27 – 30 Sept 2021 Sesi 2 : 4 – 7 Okt 2021
Business Continuity Planning Professional	27 Sept – 30 Sept 2021
Security Analyst	27 Sept – 30 Sept 2021
SecureMi Certified Administrator	4 – 7 Okt 2021
Secured Development Analyst	5 – 7 Okt 2021

**10. Siakah tenaga pengajar untuk setiap latihan yang akan dilaksanakan?**

- Tenaga pengajar terdiri daripada pelatih CyberSecurity Malaysia dan juga rakan kolaborasi latihan. Profil tenaga pengajar boleh didapati di dalam laman sesawang : <https://bit.ly/SiberKASA>

**11. Adakah peserta akan menerima sijil penyertaan selepas menghadiri latihan?**

- Ya. Peserta akan dianugerahkan sijil penyertaan untuk latihan-latihan yang telah dihadiri.

**12. Siakah rakan kolaborasi CyberSecurity Malaysia yang akan bekerjasama dalam melaksanakan program *placement* dengan pihak industri?**

- Antara rakan kolaborasi yang akan terlibat adalah seperti di bawah :
  - Vigilant Asia (M) Sdn Bhd

- Abyres Holdings Sdn Bhd
- Serba Dinamik IT Solutions Sdn Bhd
- Terrabit Consulting Sdn Bhd
- YNY Technology Sdn Bhd
- TATA Consultancy Malaysia Sdn Bhd
- Intellize Tech Services Sdn Bhd
- Huawei Technologies Malaysia Sdn Bhd
- SCS Consultancy Services
- Ayhedge Techbiz Solutions Sdn Bhd
- iFree Group
- Baker Tilly

**13. Jika peserta menerima tawaran bekerja ketika menjalani program Pemulih-SiberKASA ini, bolehkan peserta menarik diri dari meneruskan program ini?**

- Peserta dibenarkan untuk menarik diri jika menerima tawaran bekerja. Walaubagaimanapun, peserta perlu memaklumkan kepada Sekretariat Program sekurang-kurangnya seminggu lebih awal dari tarikh akhir peserta di dalam program.

**14. Bagaimanakah saya boleh mendaftar untuk mengikuti program ini?**

- Peserta boleh melayari laman web <https://bit.ly/SiberKASA> untuk maklumat lanjut dan pendaftaran.